



NOVEMBER 2024

# INSIGHTS

## BAHAGIAN HAKMILIK STRATA & STRATUM (BHSS)

### LAWATAN TEKNIKAL KE SINGAPURA

20-21 MEI 2024



Lawatan teknikal ini merupakan sebahagian daripada program di bawah pindaan perundangan Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) yang sedang dilaksanakan oleh JKPTG iaitu kajian perbandingan dengan perundangan tanah Singapura yang turut mengamalkan Sistem Torrens sepetimana di Malaysia.



### PENGANJURAN/PENGLIBATAN DALAM SESI LIBAT URUS BERSAMA AGENSI

Selain daripada mengadakan mesyuarat/ bengkel bagi melaksanakan fungsi Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum, Bahagian juga terlibat dalam sesi libat urus penggubalan dasar/ perundangan anjuran Agensi Persekutuan dan Agensi Negeri. Wakil BHSS memberi pandangan, input dan berkongsi maklumat ke atas isu-isu berkaitan pemilikan strata/ pembangunan tanah bawah tanah.

### PENGHASILAN VIDEO TKHS

31 MEI 2024



Pembikinan video pendek Tabung Khas Hakmilik Strata secara *in-house* untuk mempromosi inisiatif Kerajaan dalam menyelesaikan isu pendaftaran hakmilik strata skim bangunan khas dan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan hakmilik strata.

### LAWATAN TAPAK PROJEK ECRL BENTONG, PAHANG

3 JULAI 2024



Lawatan TKP (SKPP) bersama BHSS ke Tapak Projek ECRL bertujuan mendapat gambaran menyeluruh tentang pembangunan ECRL dan membincangkan perkara berbangkit urusan pengambilan tanah bawah tanah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek dan pengoperasian.

### PROGRAM BERSAMA KAKITANGAN BHSS

#### Sesi sembang dan perkongsian ilmu



Meraikan hari jadi warga kerja

#### Taklimat Sistem MyLAND oleh BPICT



### PERSONALITI BHSS



Nama:  
**SARINA BT MOHD AFANDI**

Jawatan:  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/  
Operasi) Gred N22 (TBK)

Pengalaman Kerja:  
20 Tahun Perkhidmatan

Keperibadian Unggul:  
Memiliki semangat, kecekalan dan  
tekad tinggi.